

Cakna ubat tamat tempoh

Ubat yang sudah sampai tarikh luput mungkin berubah potensinya dan boleh menjadi bahan berbahaya.

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR

KETIKA anak lelakinya diserang demam panas baru-baru ini, Mohd Asrul Tukiran, 40, segera memberi ubat demam yang disimpan di dalam peti sejuk. Tanpa melihat maklumat yang tertera pada botol ubat berbentuk cecair itu, dia terus menyuapkan pada si anak yang berusia tiga tahun.

Kira-kira setengah jam kemudian, barulah dia tergerak untuk melihat tarikh luput ubat demam itu. "Terkejut saya apabila dapati ubat itu sudah melebihi tempoh penggunaannya. Walaupun tarikh luput ubat tersebut tertera pada 2025, tetapi nota yang tertulis mengatakan penggunaan hanya dalam tempoh lima hari selepas dibuka. Kemudian ia perlu dibuang.

"Saya bersyukur kerana anak tidak mengalami sebarang komplikasi akibat pengambilan ubat berkenaan," cerita pekerja swasta yang mempunyai empat anak lelaki itu.

Sejak peristiwa itu, Mohd. Asrul sentiasa berhati-hati dengan tarikh penggunaan dan tarikh tamat tempoh sesuatu jenis ubat.

Mengulas mengenai perkara ini, Pegawai Farmasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS), Universiti Putra Malaysia, Siti Firas Ahmad Razef berkata, ubat tamat tempoh membawa maksud produk farmaseutikal yang tidak lagi berada dalam spesifikasi yang boleh diterima dari segi potensi dan kestabilan.

Jangka hayat

"Tarikh luput ubat bergantung pada jenis ubat yang mencapai penghujung jangka hayatnya dan berbeza mengikut keadaan penyimpanan ubat yang ditetapkan.

"Ubat yang digunakan selepas tarikh luput mungkin mengalami perubahan potensi dan boleh menjadi bahan berbahaya. Pencemaran bakteria ke atas ubat yang melebihi tarikh luput juga mungkin berlaku. Jadi, pengambilan ubat yang melebihi tarikh luput boleh menyebabkan keracunan atau mudarat kepada individu yang mengambilnya.

"Misalnya, insulin yang digunakan dalam rawatan diabetes akan mengalami kerosakan selepas tarikh luput. Jika insulin gagal merawat atau mencegah kenaikan paras gula dalam darah dengan berkesan, komplikasi boleh berlaku. Ubat yang diharapkan

untuk menyembuhkan penyakit, sebaliknya memberi kemudaran," jelas Siti Firas kepada Majoriti 7.

Tambah beliau, ada sesetengah kes, pengguna tidak dapat melihat tarikh luput ubat kerana faktor basah dan sebagainya. Justeru, sekiranya tarikh luput ubat sudah tidak kelihatan dan sukar dibaca, maka ia perlu dibuang kerana ia berisiko menjejaskan kesihatan.

"Selain menyemak tarikh luput, cara lain untuk menentukan sesuatu ubat selamat untuk diambil ataupun tidak



Pengambilan ubat melebihi tarikh luput boleh menyebabkan keracunan kepada individu yang mengambilnya.

Fakta menarik

Mengapa ubat tamat tempoh perlu dilupuskan?

Pelupusan ubat-ubatan perlu dilakukan dengan betul untuk mengelakkan pencemaran bahan kimia terhadap alam semula jadi. Sisa ubat-ubatan kebanyakannya mengandungi bahan kimia larut air yang boleh memasuki sistem pengairan sekaligus membahayakan kehidupan akuatik.

Selain itu, jika sisa ubat-ubatan terlarut dalam punca air, hal ini akan mencemarkan punca air yang akan digunakan oleh kita kerana loji kumbahan tidak berupaya untuk merawat sisa kimia dalam air kumbahan.

Pembuangan ubat-ubatan secara tidak terkawal dan tidak bertanggungjawab juga akan memberi mudarat kepada alam sekitar dan haiwan sekeliling.

Ubat digunakan selepas tarikh luput mungkin mengalami perubahan potensi dan mungkin bertukar menjadi bahan berbahaya. Pencemaran oleh bakteria ke atas ubat melebihi tarikh luput juga mungkin berlaku. Jadi, pengambilan ubat melebihi tarikh luput boleh menyebabkan keracunan atau mudarat kepada individu yang mengambilnya."

Siti Firas

adalah dengan memeriksa fizikal ubat tersebut sama ada terdapat perubahan kepada warna, bau ataupun bentuk ubat tersebut. Contohnya, ubat pil yang telah bertukar menjadi rapuh dan mudah hancur menunjukkan ubat tersebut tidak lagi selamat digunakan," ujarnya.

Bahan aktif

Ditanya mengenai perbezaan antara tarikh ubat dibuka dan tarikh luput ubat, beliau memaklumkan bahawa tarikh luput pengilang pada bekas ubat adalah tarikh luput yang belum dibuka. "Sama ada ubat jenis cecair atau tablet, ia akan terjejas selepas dibuka dan dikeluarkan dari bungkusan asal. Apabila disimpan dengan cara dan tempat yang betul, kapsul atau suplemen di dalam strip biasanya tidak mengalami perubahan dari segi warna, rupa ataupun menjadi rosak walaupun telah sampai tarikh luputnya.

"Namun begitu, bahan aktif dalam ubat tersebut mungkin telah mengalami proses degradasi. Dengan kata lain, keberkesanan ubat tersebut mungkin menurun disebabkan bahan aktif yang telah terjejas. Kelembapan, suhu yang

tinggi dan terdedah kepada cahaya matahari boleh menjadikan proses degradasi menjadi lebih cepat.

"Bagi ubat jenis cecair pula, terdapat senarai produk yang mempunyai tarikh luput yang disyorkan selepas dibuka. Contohnya, ubat cecair seperti antibiotik mempunyai tarikh luput yang lebih pendek selepas dicampur air. Jika tiada sebarang rekomendasi tarikh luput selepas dibuka, ubat cecair hanya boleh tahan selama enam bulan dari tarikh selepas dibuka melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pengilang.

Oleh itu, setiap kali ubat cecair baharu dibuka perlu dicatat tarikhnya pada bekas ubat kerana pendedahan pada persekitaran ketika dos ubat diukur mungkin menyebabkan pencemaran," jelas Siti Firas.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan orang ramai untuk lebih cakna dengan ubat-ubat yang diambil terutama berkenaan tarikh luput kerana hal ini berkait rapat dengan keberkesanan ubat di samping mengamalkan konsep 5B - Pengguna yang Betul, ubat yang Betul, dos yang Betul, cara pengambilan Betul dan masa yang Betul.



Sekiranya tarikh luput ubat sudah tidak kelihatan dan sukar dibaca, maka ia perlu dibuang.

Bagaimana untuk melupuskan ubat tamat tempoh?

Cara yang betul untuk melupuskan ubat yang telah tamat tempoh adalah dengan memulangkannya ke kaunter farmasi hospital atau klinik berdekatan bertepatan dengan Program Pemulangan Ubat diperkenalkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi pada 2010.

Ubat akan dilupuskan mengikut saranan dan garis panduan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

